



**KENYATAAN MEDIA**  
ZAIRULSHAHFUDDIN ZAINAL ABIDIN  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ISLAMIC RELIEF MALAYSIA  
10 OGOS 2018

---

**GEMBIRA TERIMA RUMAH BAHARU**

---

**KAMPAR** – Seorang penerima manfaat akhirnya berpeluang menikmati kehidupan lebih selesa apabila menerima rumah baharu di Kampung Tualang Sekah, Malim Nawar di sini.

Mohammad Khirul Nizam Yahaya, 26, menerima bantuan rumah Program Sejahtera yang dilaksanakan oleh MBSB Bank dengan usahasama Islamic Relief Malaysia (IRM).

Menurutnya, sebelum ini, dia bersama isteri menumpang di rumah yang daif milik ibu bapanya dan mengakui kehidupannya mula berdepan tekanan selepas ibunya meninggal dunia disusuli bapanya dua tahun lalu.

“Selama ini kehidupan saya terasa sukar apatah lagi saya bertanggungjawab untuk menjaga dan memelihara tiga orang adik Orang Kelainan Upaya (OKU).

“Penyakit saraf yang menyerang mereka secara tiba-tiba ketika usia masing-masing menginjak dewasa telah merubah seluruh kehidupan kami sekeluarga.

“Mereka perlukan penjagaan rapi dan ruang yang lebih besar dan selesa untuk bergerak dan menjalani kehidupan sehari-hari,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Kunci Rumah Program Sejahtera baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis penyerahan kunci adalah Ketua Jabatan Komunikasi Strategik MBSB Bank, Zuhaznim Izzuddin serta Ketua Pegawai Eksekutif IRM, Zairulshahfuddin Zainal Abidin

Sementara itu, menurut Zairulshahfuddin, IRM memandang serius terhadap kebijakan setiap penerima manfaat bagi memastikan mereka yang dibantu dapat menikmati kehidupan dengan lebih selesa dan selamat.

“Melihat sendiri cabaran yang dihadapi Khirul Nizam dalam menguruskan adik-adiknya yang OKU, kami percaya bahawa bantuan ini dapat meningkatkan lagi penjagaan dan kualiti hidup mereka sekeluarga.

"IRM ini wujud seperti jambatan untuk menghubungkan kami dengan mereka yang memerlukan. Program pada hari ini menyaksikan bahawa IRM tidak lupa dengan tanggungjawab terhadap masyarakat setempat," jelas beliau ketika ditemui.

Projek pembinaan rumah tersebut yang bernilai RM57,000 mula dibina pada akhir Disember 2017 dan siap sepenuhnya pada Februari 2018.

### **Program Sejahtera**

Program Sejahtera merupakan sebuah projek kerjasama MBSB Bank dengan IRM di bawah sektor perlindungan (*shelter*), yang disasarkan untuk menaik taraf rumah para penerima manfaat terpilih di setiap negeri di seluruh Malaysia.

Ia merupakan salah satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat MBSB Bank yang diperkenalkan sejak pertengahan tahun 2016.

Objektif utama projek ini adalah untuk membina kediaman baru atau membaik pulih kediaman serta meningkatkan status kesihatan dengan menyediakan sistem pembetungan dan sanitasi yang baik agar penerima manfaat dapat menjalani kehidupan yang lebih selesa dan selamat.

Ketua Jabatan Komunikasi Strategik MBSB Bank, Zuhaznim Izzuddin memberi aksi positif atas usahasama pihak MBSB Bank dan IRM kerana program ini dilihat dapat memberi impak yang besar kepada penerima manfaat.

"Kita telah bekerjasama dengan IRM sejak 2016 dalam mencari penerima manfaat untuk Program Sejahtera dan tahun lalu kami telah berjaya memberi sumbangan kepada lebih 30 penerima melalui kerjasama IRM," jelas Zuhaznim ketika ditemui.

Sehingga kini, Program Sejahtera telah memberi manfaat kepada 16 keluarga pada tahun 2016 dan disusuli dengan 17 keluarga (2017) dan 15 keluarga tahun ini.

Reka bentuk rumah mengambil kira tahap keselamatan dan keperluan khusus penerima manfaat terutama golongan OKU. Rumah yang berkeluasan 20' x 30' itu memuatkan ruang tamu, dapur, tiga bilik tidur, satu bilik air dan satu tandas.

### **Mengenai Islamic Relief (IR)**

Islamic Relief (IR) adalah sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang bebas. IR beribu pejabat di United Kingdom dan ditubuhkan pada tahun 1984. IR telah berkhidmat di lebih dari 45 buah negara, membantu lebih daripada 120 juta orang. IR juga mempunyai rangkaian tetap di lebih 30 buah negara merangkumi 100 buah cawangan di seluruh dunia. Skop bantuan IR merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah merasmikan penubuhan Islamic Relief Malaysia (IRM) pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan IR di rantau Asia-Pasifik. Kini, IRM berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek (antarabangsa & tempatan)

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan IRM, sila layari laman web rasmi IRM iaitu [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my) atau hubungi IRM di talian tetap 03-8926 3434.

Bagi mereka yang ingin membuat sumbangan, salurkan sumbangan anda ke nombor-nombor akaun berikut atas nama Islamic Relief Malaysia :

**MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704**

**CIMB ISLAMIC | 860 2073818**

**BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3**

**AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4**

**BANK RAKYAT | 11080 10000 35**

atau melalui :

**CHARITY SHOPPE | TUNAI / KAD KREDIT**

**MOBILE APPS | IR Malaysia**

Zairulshahfuddin Zainal Abidin

Ketua Pegawai Eksekutif

Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

---

Dikeluarkan oleh,

**Islamic Relief Malaysia (IRM)-Reg No: 657354-W  
A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,  
Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Unit Media**  
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau  
emel: [Malaysia.Media@islamic-relief.org.my](mailto:Malaysia.Media@islamic-relief.org.my)